

# **Persepsi Pelajar–Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Kuala Terengganu Dan Besut Terhadap Pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional ( MPV ) Landskap Dan Nurseri**

Azlina Bt.Mohd Kosnin & Mohd Rizal Bin Abdul Ghani

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak** : Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan kaedah deskriptif. Kajian berbentuk deskriptif ini sesuai digunakan dalam penyelidikan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang berlaku dalam populasi. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar – pelajar Tingkatan Empat sekolah harian biasa di Daerah Kuala Terengganu dan Besut yang mengikuti kursus Landskap dan Nurseri. Kajian ini dijalankan di SMK Kompleks Mengabang Telipot, Kuala Terengganu, SMK Pelagat, Besut dan SMK Tok Dor, Besut. Populasi kajian adalah semua pelajar tingkatan empat yang mengikuti program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) kursus Landskap dan Nurseri. Sampel kajian adalah seramai 59 orang pelajar yang mengikuti kursus ini di Daerah Kuala Terengganu Dan Besut. Data – data yang dikumpulkan adalah menggunakan kertas soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan perisian komputer *Statiscal Package For Social Science ( SPSS )* serta dianalisis melalui peratusan kekerapan dan min. Hasil kajian yang dijalankan mendapati persepsi pelajar terhadap kemahiran guru berada pada tahap tinggi (min 4.17), bahan pengajaran dan kemudahan peralatan pada tahap sederhana (min 3.60), fizikal bengkel pada tahap sederhana (min 3.53) dan minat pelajar pada tahap tinggi ( 4.47).

*Katakunci* : persepsi pelajar, mata pelajaran vokasional (MPV), Landskap dan Nurseri

## **Pendahuluan**

Pendidikan vokasional membawa maksud pengalaman menyeluruh seseorang individu di mana ia belajar dengan cemerlang untuk berada dalam bidang kerja yang menguntungkan (Prosser, 1950). Dalam skop yang lebih kecil lagi, Prosser telah menyifatkan pendidikan vokasional sebagai kewujudan siri pengalaman yang terkawal dan terurus untuk melatih seorang atau lebih individu ke arah persediaan untuk ke alam pekerjaan. Berdasarkan kenyataan ini dapat dilihat betapa pendidikan vokasional juga boleh diibaratkan sebagai satu medium untuk melengkapkan seseorang individu dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan sebagai persediaan untuk menempuh alam pekerjaan.

Sehubungan dengan itu, tenaga pekerja mahir tidak diabaikan dalam perancangan sistem pendidikan negara. Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan, menyatakan bahawa sistem pendidikan di Malaysia, tidak ketinggalan memainkan peranan untuk melahirkan tenaga kerja mahir untuk memenuhi permintaan sektor pekerjaan. Dalam laporannya, jawatankuasa tersebut menegaskan:

***“Mengkaji semula matlamat dan kesan sistem pelajaran sekarang, termasuklah kurikulumnya dalam rangka dasar pelajaran kebangsaan yang wujud dengan tujuan untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat dipenuhi sama ada dan segi jangka pendek mahu pun jangka panjang dan lebih-lebih lagi untuk memastikan bahawa sistem pelajaran dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih.”***

(Aede Hatib, ms 2)

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengkaji dan seterusnya menggubal semula sistem pendidikan teknik dan vokasional mengikut tahap pendidikan. Dalam sistem persekolahan di Malaysia, pelajar telah didedahkan dengan pelajaran vokasional bermula sejak di peringkat sekolah rendah lagi. Di peringkat menengah rendah pula, pelajar diwajibkan mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup. Mata Pelajaran Vokasional pula ditawarkan di peringkat menengah atas sebagai mata pelajaran elektif dalam Kumpulan V iaitu Elektif Vokasional dan Teknologi. Mata pelajaran dalam kumpulan ini adalah seperti Perdagangan, Ekonomi Asas, Prinsip Akaun, Sains Pertanian, Ekonomi Rumah Tangga, Matematik Tambahan, Lukisan Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Pengajian Kejuruteraan Jentera, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

Oleh yang demikian, pendidikan teknik dan vokasional sangat berperanan dalam proses melahirkan tenaga kerja professional dan separa professional yang amat diperlukan dalam bidang perindustrian. Pertumbuhan ekonomi dan penggunaan teknologi moden ini memerlukan pengurusan sumber manusia yang mampu melaksanakannya. Kurikulum pendidikan ini telah dirombak dan diselaraskan mengikut keperluan pasaran kerja dan perubahan teknologi terkini. Matlamat pendidikan ini juga adalah untuk melahirkan pelajar yang aktif dan segi intelek, jasmani, rohani dan emosi serta mempunyai sahsiah diri yang mulia. Sekiranya tercapai matlamat ini, maka negara bakal memiliki aset yang paling berharga ke arah perkembangan dan pembangunan negara dan aspek politik, ekonomi dan sosial.

### **Penyataan Masalah**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar-pelajar Tingkatan Empat sekolah menengah harian biasa mengenai pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Kursus Landskap dan Nurseri di Daerah Kuala Terengganu dan Besut. Kajian yang dijalankan adalah mengenai kemahiran guru, bahan pengajaran dan peralatan, keadaan fizikal bengkel dan minat pelajar mengikut mata pelajaran vokasional.

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji pelaksanaan program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) yang dijalankan di sekolah menengah akademik harian biasa. Beberapa masalah yang telah dikaji adalah mengenai kriteria guru-guru yang dipilih untuk mengajar mata pelajaran vokasional. Mengikut buku penerangan dan panduan penawaran mata pelajaran vokasional di sekolah menengah akademik harian, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pelajaran Malaysia, edisi kedua (2001) menyatakan bahawa kriteria pemilihan tenaga pengajar akan dipilih dan kalangan guru—guru Kemahiran Hidup, Teknologi Kejuruteraan, Lukisan Kejuruteraan, Pendidikan Seni, Ekonomi Rumah Tangga dan Pertanian akan dipilih untuk mengajar mata pelajaran vokasional di sekolah menengah harian biasa.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar mengenai keadaan fizikal bengkel yang terdapat di sekolah dan juga kemudahan peralatan bahan pengajaran yang terdapat di bengkel sekolah sama ada dapat membantu guruguru menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), pemilihan sekolah adalah berdasarkan kepada kemudahan bengkel dan peralatan yang sesuai serta ruang yang mencukupi untuk keperluan mata pelajaran tertentu.

### **Objektif Kajian**

Memandangkan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) adalah satu mata baru ditawarkan di sekolah menengah harian yang terpilih untuk melaksanakannya, oleh itu pengkaji ingin membuat penyelidikan yang bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan mata pelajaran ini dan segi aspek:

- i. kemahiran guru yang dipilih untuk mengajar mata pelajaran ini.
- ii. kemudahan bahan-bahan pengajaran dan peralatan.
- iii. keadaan fizikal bengkel.
- iv. faktor minat pelajar.

### Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk penyelidikan adalah bertujuan untuk mencari jawapan kepada andaian-andaian penyelidikan. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan kaedah deskriptif. Kajian berbentuk deskriptif ini sesuai digunakan dalam penyelidikan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang berlaku dalam populasi (Saiful Bahri, 2000).

Pendekatan soal selidik digunakan sebagai kaedah pengumpulan data bagi menerangkan pembolehubah yang dikaji (Mohd Najib, 1999). Kaedah tinjauan ini sesuai kerana ia bertujuan untuk mengumpul maklumat-maklumat mengenai pembolehubah yang dikaji. Ia juga bermatlamatkan untuk menerangkan sesuatu kejadian yang sedang berlaku di dalam sesebuah populasi sama ada secara kuantitatif atau kualitatif (Mohd Majid Konting, 1990).

### Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian adalah pelajar Tingkatan Empat yang mengikuti program MPV Kursus Landskap dan Nurseri di Daerah Kuala Terengganu dan Besut. Senarai bilangan pelajar bagi tahun 2008 akan diperolehi dari Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu.

Pengkaji menggunakan kaedah persampelan bagi memilih sampel yang mewakili populasi. Sampel ini dianggap dapat memberi maklumat secara keseluruhan mengenai aspek yang dikaji. Justeru itu, pengkaji akan memilih responden yang terdiri dari pelajar Tingkatan Empat yang mengikuti Mata Pelajaran Landskap dan Nurseri.

Jadual 1 menunjukkan taburan pelajar yang mengambil Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Kursus Landskap dan Nurseri di Daerah Kuala Terengganu dan Besut. Terdapat hanya sebuah sekolah sahaja yang menawarkan mata pelajaran ini di Daerah Kuala Terengganu manakala di Daerah Besut pula terdapat dua buah sekolah yang menawarkan mata pelajaran ini.

Jadual 1 Taburan Pelajar Mata Pelajaran Vokasional Kursus Landskap Dan Nurseri

Bil	Sekolah	Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan	Bil. Pelajar
1	SMK Mengabang Telipot, Kuala Terengganu	14	5	19
2	SMK Pelagat, Besut	13	6	19
3	SMK Tok Dor, Besut	12	9	21
	JUMLAH	39	20	59

## Instrumen Kajian

Untuk kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Tujuan utama soal selidik adalah untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan lengkap. Oleh itu, soal selidik mestilah memenuhi objektif penyelidikan, di mana maklumat yang diperlukan hendaklah dicatat terlebih dahulu dan soalan-soalan direkabentuk kearah untuk mendapatkan maklumat tersebut.

Soal selidik adalah satu instrumen yang lazim digunakan dalam kajian berbentuk tinjauan. Kelebihan ini ialah di mana responden hanya memerlukan sedikit masa sahaja untuk menjawab soal selidik ini. Kaedah ini mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden. Penganalisaan ke atas jawapan juga dapat dilakukan dengan cepat dan berkesan.

Soal selidik ini dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan pembolah ubah yang difokuskan dalam kajian. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan B sahaja.

**Bahagian A :** mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan data peribadi iaitu jantina, bangsa dan keputusan PMR.

**Bahagian B :** mengandungi item yang berkaitan dengan kemahiran guru, keadaan fizikal bengkel, kemudahan fizikal alatan dan minat pelajar. Pengkaji menggunakan perisian komputer *Statistical Package For Social Science (SPSS)* untuk menganalisis data yang telah diperolehi.

Jadual 2 Nombor-nombor Item Yang Dikelaskan Mengikut Setiap Persoalan Kajian

Bil	Persoalan Kajian	Nombor Item	Jumlah Item
1.	Kemahiran Guru	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8	8
2.	Kemudahan Bahan Pengajaran dan Peralatan	9,10,11,12, 13,14, 15	7
3.	Fizikal Bengkel	16, 17, 18, 19, 20, 21, 22	7
4.	Minat Pelajar	23, 24, 25, 26, 27, 28	6

## Analisis Data

### Persediaan Dan Pengetahuan Guru Untuk Mengajar Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Landskap Dan Nurseri

Hasil kajian mendapati, item 8 mencatatkan skor setuju yang paling tinggi iaitu sebanyak 98.3% mengatakan setuju bahawa guru mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas mengenai mata pelajaran ini. Manakala item yang mencatatkan skor setuju yang terendah ialah item 3 iaitu sebanyak 50.9% atau 30 orang responden yang mengatakan bahawa guru mempunyai kemahiran untuk menyelenggara dan membaik pulih peralatan yang rosak. Secara purata bagi persoalan ini, hasil kajian mendapati sebanyak 85.2% bersetuju bahawa guru mempunyai kemahiran untuk mengajar mata pelajaran ini.

### Kelengkapan Dan Kemudahan Peralatan Yang Disediakan Oleh Sekolah Yang Menawarkan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Landskap dan Nurseri

Hasil kajian mendapati, item 13 mencatatkan skor setuju yang paling tinggi iaitu sebanyak 91.5% mengatakan setuju bahawa peralatan dan mesin yang terdapat di dalam bengkel diselenggara dengan baik. Manakala item yang mencatatkan skor setuju yang terendah ialah item

10 iaitu sebanyak 25.4% atau 15 orang responden yang mengatakan bahawa pelajar sentiasa berkongsi peralatan dengan rakan semasa melakukan kerja amali. Ini menunjukkan bahawa peralatan yang terdapat di bengkel adalah mencukupi untuk aktiviti amali di sekolah. Secara purata bagi persoalan ini, hasil kajian mendapati sebanyak 59.8% bersetuju bahawa terdapat sekolah yang menawarkan mata pelajaran ini.

### **Kemudahan Fizikal Bengkel Di Sekolah Yang Menawarkan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Landskap Dan Nurseri.**

Hasil kajian mendapati, item 21 mencatatkan skor setuju yang paling tinggi iaitu sebanyak 94.9% mengatakan setuju bahawa guru mengetahui cara penggunaan setiap peralatan di bengkel. Manakala item yang mencatatkan skor setuju yang terendah ialah item 20 iaitu sebanyak 32.2% atau 19 orang responden yang mengatakan bahawa keluasan bengkel di sekolah tidak mencukupi bagi menempatkan pelbagai kelengkapan aktiviti pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa keluasan bengkel sesuai untuk menjalankan aktiviti amali. Item yang mencatatkan skor tidak setuju paling tinggi adalah item 17 iaitu sebanyak 40.7% atau 24 orang responden mengatakan bahawa rasa kurang selesa dengan ruang yang disediakan di dalam bengkel semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Ini juga menunjukkan bahawa responden merasa selesa dengan ruang yang disediakan untuk menjalankan aktiviti. Secara purata bagi persoalan ini, hasil kajian mendapati sebanyak 67.9% bersetuju bahawa sekolah yang menawarkan mata pelajaran ini telah dilengkapi dengan kemudahan fizikal bengkel yang sesuai dalam bidang Landskap dan Nurseri.

### **Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Vokasioanal (MPV) Landskap Dan Nurseri.**

Hasil kajian mendapati, item 23 mencatatkan skor setuju yang paling tinggi iaitu sebanyak 94.9% mengatakan setuju bahawa responden menggemari kerja amali mata pelajaran Landskap dan Nurseri. Manakala item yang mencatatkan skor setuju yang terendah ialah item 27 iaitu sebanyak 56% atau 33 orang responden yang mengatakan bahawa masa untuk melakukan kerja amali amat singkat. Secara purata bagi persoalan ini, hasil kajian mendapati sebanyak 83.9% bersetuju mengatakan bahawa responden berminat untuk mengikuti mata pelajaran Landskap dan Nurseri.

### **Perbincangan**

Hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa tahap persediaan dan pengetahuan guru yang terpilih untuk mengajar Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Landskap dan Nurseri ini berada tahap tinggi (min 4.17). Ini jelas membuktikan guru-guru yang terpilih untuk mengajar mata pelajaran ini mempunyai persediaan dan pengetahuan yang cukup dalam bidang ini. Walau bagaimanapun guru-guru MPV Landskap dan Nurseri ini perlu meningkatkan dengan ilmu pengetahuan kerana pengetahuan guru merupakan asas penting dalam proses pengajaran. Guru perlulah mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi untuk melahirkan pelajar yang cemerlang. Pengetahuan yang tinggi membolehkan seseorang guru melaksanakan aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang berkesan.

Walaupun bagaimanapun masih terdapat segelintir pelajar yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Ini mungkin disebabkan oleh guru yang terpilih untuk mengajar mata pelajaran ini hanya menghadiri kursus jangka pendek menyebabkan guru tersebut tidak mempunyai kemahiran yang banyak. Untuk mengatasi kelemahan ini, guru seharusnya sentiasa bersedia menghadapi perubahan supaya tidak ditinggalkan arus kementerian. Namun begitu ilmu pengetahuan ikhtisas pendidikan juga diperlukan untuk menyelesaikan berbagai-bagai masalah yang kompleks. Pendidikan hari ini menjadi cabang dan bertambah 'specialized' serta tiap-tiap

bidang kursus itu memerlukan ilmu dan kemahiran yang mendalam mengenai bidang tersebut.. Oleh itu, latihan asas semata-mata tidak mencukupi dengan peredaran masa sebaliknya guru-guru perlu profesional sejajar dengan perkembangan profesioan perguruan.

Hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa aspek kelengkapan dan kemudahan peralatan yang disediakan untuk melaksanakan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Landskap dan Nurseri ini berada pada tahap sederhana tinggi (min 3.60). Ini menunjukkan bahawa masih terdapat kelengkapan dan kemudahan peralatan yang tidak mencukupi untuk kegunaan pelajar. Berdasarkan kepada hasil kajian, pelajar-pelajar mengatakan bahawa peralatan yang terdapat di bengkel tidak mencukupi untuk menjalankan aktiviti amali (min 3.34) dan peralatan yang rosak (min 3.53). Kedua-dua pernyataan ini mencatatkan nilai min pada tahap sederhana tinggi.

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), sekolah yang menawarkan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) mestilah dapat menyediakan kemudahan dan kelengkapan yang mencukupi dengan bilangan pelajar serta keupayaan tenaga pengajar yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi. Dalam kriteria pemilihan sekolah pula, kemudahan bengkel dan peralatan yang sesuai serta ruang fizikal yang mencukupi mengikut keperluan adalah dititik beratkan bagi memastikan pelaksanaan mata pelajaran ini dapat dijalankan dengan berkesan.

Mengikut pemerhatian yang dijalankan, sekolah-sekolah yang menawarkan mata pelajaran ini telah mempunyai bengkel khas dan tidak perlu berkongsi dengan bengkel Kemahiran Hidup. Namun terdapat juga sebuah sekolah yang masih belum mempunyai bahan dan peralatan yang mencukupi dan terpaksa berkongsi untuk sementara waktu.

Hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa tahap kemudahan fizikal bengkel di sekolah yang menawarkan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Landskap dan Nurseri ini berada pada tahap sederhana tinggi (min 3.53). Berdasarkan kepada hasil dapatan yang diperolehi, pelajar-pelajar menyatakan bahawa kelengkapan bengkel di sekolah tidak bersesuaian dengan aktiviti pembelajaran (min 2.80). Hasil kajian juga mendapati pelajar-pelajar merasakan keluasan bengkel tidak mencukupi untuk menempatkan pelbagai kelengkapan pembelajaran (min 2.95). Selain itu, pelajar-pelajar juga merasakan kurang selesa dengan ruang yang disediakan di dalam bengkel semasa menjalani aktiviti pembelajaran (min 3.00). Ketiga-tiga aspek yang dinyatakan mencatatkan nilai min berada pada tahap sederhana rendah.

Suasana tempat kerja memerlukan keadaan yang tenang, kurang bising, cahaya yang mencukupi dan kemudahan perhubungan yang baik serta bilik yang sesuai. Sehubungan dengan itu, sekolah juga memerlukan suasana pembelajaran yang selesa bagi mengekalkan prestasi dan minat pelajar. Pendapat ini disokong oleh Sharifah Alawiah Alsagoff (1985) yang menyatakan bahawa suanana bilik darjah penting bagi mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan menyeronokkan. Suasana dan fizikal bilik darjah juga mungkin merupakan 'kawan' atau 'lawan' dalam pembelajaran.

Sebagai kesimpulan, hasil kajian dan pemerhatian yang dijalankan mendapati keadaan fizikal bengkel memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Fizikal bengkel yang selesa akan membantu menambahkan minat pelajar untuk mencuba sesuatu yang baru terutamanya dalam mata pelajaran yang baru diperkenalkan ini dimana pelajar akan dapat member tumpuan yang sepenuhnya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran ini.

## **Rujukan**

- Azahari Md. Salleh (1990). *Pengurusan Industri*. Johor Bahru: JJ Computer Service.
- Crow, L. D. dan Crow, Alice (1983). “*Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah Meng (1992). *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Ishak Haron dan Koh, Boh Boon (1982). *Asas-Asas Dalam Amalan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ismail Salleh( 1981). “*Idea Baik Dan Canggih Perlu Dihasilkan Dari Semasa Ke Semasa*.” Utusan Malaysia (24 Jun 1981)
- Jawatankuasa Kajian Sistem Pelajaran Vokasional (1981).”*Laporan Kajian Sistem Pelajaran Vokasional di Semenanjung Malaysia*.” Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan (1986). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 (1979). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mok Soon Sang (1996). *Pendidikan Di Malaysia Untuk Diploma Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Prosser, C.A. (1949). “*Vocational Education in A Democracy*.” Chicago: American Technical Society.
- Sharifah Alawiyah Alsagoff (1986). *Ilmu pendidikan: pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann, ctk. 4.
- Wan Azmi b. Ramli (1991). *DasarAwam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta.
- Yahya Emat (1993). *Pendidikan Teknik Dan Vokasional di Malaysia*. Petaling Jaya; IBS Buku Sdn. Bhd.
- Zazalli Lazin (2000). “*Persepsi Pelajar Skolahi Menengah Akademik Negeri Melaka Terhadap Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan*”. Johor Darul Takzim: Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.